

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman


◀ SP 2.1.1; 5.1.1; 5.1.2; 5.1.3; 5.6.1

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Pihak kami menggunakan _____ yang berkualiti untuk menghasilkan produk makanan ini.
A ramuan C sajian
B buatan D adunan

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- Buah durian belanda ini mempunyai duri yang _____ dan isinya berwarna putih.
A kuat C lembut
B lemah D tumpul

Sudut Bahasa

- Kata adjektif ialah kata yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu kata nama. Contohnya, *cantik, wangi, leper, tinggi* dan sebagainya.

- “_____kah kebaikan produk yang dihasilkan daripada buah durian belanda ini, cik?” tanya Sakinah kepada petugas di ekspso itu.
A Mana C Apa
B Siapa D Bagaimana

- “_____ sesekali membeli produk yang tidak berkualiti kerana boleh menjejaskan kesihatan kita,” pesan Puan Marini.
A Minta C Harap
B Tolong D Jangan

Soalan 5 – 7

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Ekspo itu dianjurkan agar pengusaha ^A industri kecil dapat memperkenalkan ^B produk mereka. Tiada kesalahan ^C ^D
- Para peniaga ^A haruslah mendalami ^B kaedah digital dalam perniagaan di ^C zaman teknologi ini. Tiada kesalahan ^D
- Bot fiber yang dihasilkan ^A ini sangat mantap ^B serta setanding ^C dengan bot fiber dari luar negara. Tiada kesalahan ^D

Soalan 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

8. I Puan Marina gemar memakai pakaian yang berwarna *terang*.
II Nenek memakai cermin mata kerana pandangannya kurang *terang*.
III Cikgu Khalid agak *terang* tetapi beliau sangat penyayang.
IV Lampu pelita itu semakin *terang* kerana kehabisan minyak tanah.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. Beliau sentiasa mengambil langkah berjaga agar tidak mudah tertipu oleh pembekal.
- A mengambil langkah berjaga-jaga
B mengambil langkah-langkah berjaga
C mengambil pelbagai langkah-langkah berjaga
D mengambil langkah berjaga
10. Turut hadir pelancaran program itu ialah pengetua dan guru-guru.
- A Turut menghadirkan pelancaran
B Yang turut hadir pelancaran
C Yang turut menghadiri pelancaran
D Turut hadir pelancaran

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Bengkel kereta yang diusahakan oleh Abang Daud semakin maju.
II Cis, berani sungguh kamu mencuri di kedai saya!
III "Sila datang lagi ke gerai buah-

buahan saya," kata peniaga itu kepada pelanggannya.

- IV "Harga sebuah bot fiber ini apa?" tanya lelaki itu.

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

12. I Puan Zurina membawa anaknya pulang ke asrama.
II Aziah suka membaca bahawa membaca dapat meningkatkan ilmu pengetahuannya.
III Program Semarak Bahasa itu akan diadakan pada minggu depan.
IV Mazli cemerlang dalam pelajaran kerana dia rajin berusaha mencari ilmu.

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 13 – 14

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

13. Semasa belajar tentang kemahiran membaiki kenderaan agak sukar juga, tetapi kini sudah menjadi mudah apabila sering dilakukan kerana
- A alah bisa tegal biasa.
B sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit.
C belakang parang lagi diasah nescaya tajam.
D tepuk dada tanya selera.

14. Peribahasa yang berikut membawa maksud seseorang yang dapat menyesuaikan diri serta menurut adat resam di tempat yang didiami, **kecuali**
- A di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
B masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang lembu menguak.
C seperti hujan jatuh ke pasir.
D di mana tanah dipijak, di situ langit dijunjung.

Soalan 15 – 18 berdasarkan sajak di bawah.

Kunci Bahasa

Bahasa bermaruah
tidak berbilur bahasa di lidah.

Bahasa berbuah
tidak kering bahasa diperah.

Bahasa bersejarah
tidak luput bahasa bertingkah.

Bahasa berwasilah
tidak putus *jambatan ukhuwah*.

Bahasa berbudi sudah
tidak lokek pada ummah.

Bahasa begitu indah
tidak habis berbahasa bermadah.

ABDUL HADI YUSOF

Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

Sudut Sastera

► Gaya bahasa ialah cara
pengkarya menggunakan
bahasa yang baik dan kreatif
dalam sesuatu karya.

15. Apakah yang diharapkan oleh penyajak
berdasarkan rangkap pertama?

- A Bertutur dengan bahasa yang sopan
- B Bijak mengeluarkan kata-kata
- C Berbicara dengan baik
- D Sentiasa berbudi bahasa

16. Bahasa yang dapat mempererat
hubungan dalam masyarakat ialah

- A bahasa berbudi.
- B bahasa bersejarah.
- C bahasa berwasilah.
- D bahasa bermaruah.

17. Maksud rangkai kata *jambatan ukhuwah* dalam sajak ini ialah

- A hubungan persaudaraan.
- B jalinan hubungan yang baik.
- C ikatan persahabatan.
- D penggunaan bahasa yang baik.

tidak kering bahasa diperah.

18. Gaya bahasa bagi rangkai kata di atas
ialah

- A simile.
- B anafora.
- C metafora.
- D personifikasi.